

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD**
KAWASAN : **LANGKAWI**
TARIKH : **18.3.2014 (SELASA)**
NO. SOALAN : **9**

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian bagi mempopularkan dan menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik (EV), sekiranya ada, adakah Kementerian akan menyediakan stesen-stesen cas letrik seperti stesen petrol. Apakah Kementerian juga bercadang untuk memberi sebarang insentif kepada pengguna kenderaan elektrik tersebut.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah pun menawarkan pelbagai insentif untuk menggalakkan rakyat Malaysia beralih kepada kenderaan mesra alam seperti hibrid dan elektrik. Antara insentif ini termasuklah pengecualian duti import dan eksais ke atas pengimportan kenderaan elektrik secara CBU (*completely built-up*) mulai 1 Januari 2011 di bawah Bajet 2011. Walaupun insentif ini telah tamat pada 31 Disember 2013, Kerajaan terus menyediakan insentif seumpama bagi kenderaan elektrik yang dipasang secara tempatan, di samping insentif-insentif *customized* lain.

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) yang diumumkan pada 28 Oktober 2009, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah dimandatkan untuk membangunkan satu pelan hala tuju bagi pembangunan infrastruktur bagi kenderaan elektrik.

KeTTHA dengan kerjasama syarikat pengeluar kenderaan elektrik sudahpun mula membina beberapa stesen pengecas bagi kenderaan elektrik untuk menyokong kajian teknologi dan pengumpulan data-data teknikal mengenai kawal selia kenderaan elektrik serta tingkah laku pengguna.

Di bawah NAP 2014, Kerajaan juga menyediakan insentif dalam bentuk pinjaman mudah bagi pembangunan infrastruktur untuk kategori kenderaan bertenaga efisien (EEV) yang mana termasuk kenderaan elektrik serta program promosi dan kesedaran.